

Headline	Perlu patuhi peraturan perubatan ditetapkan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,559
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,678



Perlu patuhi peraturan perubatan ditetapkan

KUALA LUMPUR: Setiap individu mempunyai hak untuk memilih pasangan masing-masing walaupun salah seorang daripada mereka mungkin orang yang hidup dengan HIV.

Setiasaha Agung Persatuan Pegawai Syariah Malaysia, Mohd Yusof Sulaiman berkata, apabila memilih pasangan yang hidup dengan HIV, mereka perlu mematuhi peraturan perubatan ditetapkan bagi mengelak berlaku jangkitan.

“Dari segi rukun nikah, tidak ada syarat mengatakan pasangan itu perlu bebas daripada

sesuatu penyakit atau tidak, tetapi kerajaan menetapkan mereka yang mahu berkahwin perlu melalui ujian saringan HIV/Aids bagi menjaga kepentingan umum,” katanya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas muka depan Harian Metro Jumaat lalu mengenai kehidupan seorang wanita positif HIV memperoleh hidup baru dengan berkahwin dengan seorang lelaki bebas virus itu selain dikurniakan seorang anak walaupun doktor meramalkan hayatnya hanya bertahan empat tahun saja.